



## SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

### TIADA LARANGAN KENDERAAN BARANGAN DI ATAS JALAN RAYA DALAM TEMPOH PERAYAAN AIDIL FITRI 2020

Kementerian Pengangkutan Malaysia seperti lazimnya telah mengenakan perintah larangan kepada kenderaan barangan untuk tidak berada di atas jalan raya bagi beberapa hari yang ditetapkan semasa tempoh perayaan Hari Raya Aidilfitri. Larangan sebelum ini bertujuan untuk meningkatkan keselamatan jalan raya di kalangan pengguna yang ingin pulang ke kampung serta untuk memastikan kesesakan jalan raya dapat dikurangkan dengan meminimumkan keberadaan kenderaan-kenderaan barangan di atas jalan raya.

Namun begitu, memandangkan Negara masih berada di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), **pihak Kementerian Pengangkutan Malaysia tidak akan melaksanakan perintah larangan tersebut kepada kenderaan barangan** sepanjang tempoh perayaan ini kerana peraturan-peraturan sedia ada di dalam tempoh PKPB ini telah mengambil kira serta merangkumi kesemua faktor termasuk keselamatan dan ekonomi.

Justeru itu, pergerakan kenderaan barangan di dalam tempoh PKPB ini perlulah mengikut peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan dari semasa ke semasa oleh pihak Kerajaan.

**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA**  
**21 MEI 2020**

-TAMAT-

#### Tentang MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia merangka dasar, strategi dan aktiviti pengangkutan awam yang merangkumi sektor darat, udara dan maritim untuk kesejahteraan serta sistem pengangkutan Malaysia yang mampan.



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

**Pertanyaan Media:**

**Kementerian Pengangkutan Malaysia**

Tel +603 8892 1006 (Setiausaha Akhbar)  
+603 8892 1027 (Unit Komunikasi Korporat)  
Fax +603 8892 0208  
E-mail [sua@mot.gov.my](mailto:sua@mot.gov.my)  
[unitkomunikasikorporat@mot.gov.my](mailto:unitkomunikasikorporat@mot.gov.my)